

07/05/1997

Menterjemah harapan Perdana Menteri

Hasri Harun

SAYA ingin memberi sedikit pandangan terhadap ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disiarkan oleh semua akhbar tempatan pada perasmian Kongres Wawasan 2020, baru-baru ini.

Saya menyokong saranan itu. Untuk menghadapi Wawasan 2020 yang bakal mendatang kita tidak seharusnya menitikberatkan aspek ekonomi semata-mata.

Wawasan itu harus diseimbangkan dengan penekanan dalam sosial dan pembangunan insan.

Sememangnya menjadi harapan rakyat Malaysia untuk melihat pembangunan yang rancak kini tidak saja menguntungkan aspek ekonomi.

Kita wajar memberi keutamaan dalam aspek insaniah dan pembangunan sosial.

Kalau dulu sesetengah pihak sering mempertikaikan agenda wawasan itu, tetapi selepas hampir enam tahun agenda berkenaan berlalu kita lihat ia mula dirasai oleh semua pihak.

Seharusnya perkara itu disedari sejak dulu lagi, namun kerana sikap tidak prihatin dengan aspek sosial maka ia menyebabkan beberapa kesan kepada negara.

Sehingga kini negara dilanda gejala sosial yang membimbangkan.

Inginkah kita lihat negara mencapai tahap ekonomi yang tinggi dan dalam masa yang sama aspek sosial dan pembangunan insan menjadi dalang serta penyakit kepada negara?

Oleh kerana itu saranan yang jujur daripada Perdana Menteri wajar diakui dan dipatuhi semua pihak.

Saya ingin menyarankan kepada semua pihak yang terbabit dalam proses pembangunan negara supaya berusaha menterjemahkan harapan Perdana Menteri itu dengan jelas agar ia menjadi kenyataan.